



MAKLUMAT MENGENAI



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

KUMBANG

ROVE



Nama Am : Kumbang Rove
 Nama Saintifik : Staphylinidae (Insecta : Coleoptera : Staphylinidae)
 Spesies *Paederus fuscipes* Curtis
 Nama Tempatan : Semut Semai, Semut Kayap, Charlie dll.
 Bilangan Spesies : Dianggarkan sekitar 47,000 spesies

Morfologi

Mempunyai saiz kurang daripada 1 cm panjang. Badannya berwarna kuning kemerahan gelap manakala bahagian atas, bawah abdomen dan kepala berwarna gelap. Bahagian tengah abdomen yang berwarna hijau tua mempunyai sepasang sayap keras dikenali sebagai "elitron". Di bawah sayap keras ini terdapat sepasang sayap lutsinar yang dilipat kemas. Selalunya, kumbang ini kelihatan merangkak dengan pantas di kawasan sekeliling dengan menyembunyikan sayapnya dan sekali pandang ia lebih menyerupai semut. Apabila diganggu kumbang ini akan menaikkan bahagian abdomen supaya kelihatan seperti kalajengking untuk menakutkan musuh.



apabila diganggu

atas darat



atas air



bersedia untuk terbang

Habitat Dan Tabiat Pemakanan

Kumbang ini boleh ditemui di kawasan sawah padi, padang sekolah - antara rumput dll. Ia merupakan serangga karnivor dan memakan lain-lain serangga yang lebih kecil. Ia merupakan serangga yang memainkan peranan penting dalam kawalan biology untuk mengawal serangga perosak padi. Semasa hujan lebat atau banjir, kumbang ini akan berhijrah ke kawasan yang lebih kering.



Kesan Pada Manusia

Cecair hemolimf yang terdapat di dalam badan (kecuali sayap) kumbang ini mengandungi toksin sentuh haiwan yang paling berbisa di dunia. Toksin ini dikenali sebagai 'pederin' (C₂₄ H₄₃ O₉ N) dinamakan dalam tahun 1953. Ia mempunyai tahap keracunan 12 kali lebih tinggi daripada venom ular tedung. Kumbang rove yang telah dikeringkan dan disimpan selama 8 tahun masih lagi mempunyai ketoksiniannya. **Persentuhan** dengan kumbang ini **semasa bergerak atau tidur, menghancurkannya** pada badan atau **mengosok** dengan jari yang kotor akan menyebabkan konjunktivitis dan penyakit kulit yang teruk yang dikenali sebagai 'dermatitis linearis', 'paederus (kumbang rove/ staphylinidae) dermatitis', 'whiplash dermatitis' dan sebagainya. Pada September 2002, wabak dermatitis linearis yang disebabkan oleh kumbang rove telah menjangkiti beribu-ribu orang penghuni rumah pangsa dan asrama pelajar di Pulau Pinang.



Nasihat Kepada Penduduk Yang Dijangkiti

Oleh kerana kumbang ini tertarik kepada cahaya pada waktu malam, tutup atau kurangkan penggunaan lampu dan tutup semua pintu/ tingkap semasa epidemik kumbang tersebut. Gunakan jaringan nyamuk yang halus, semburan aerosol serangga, perangkap berpelekat dan sebagainya. **Jangan duduk berhampiran dengan cahaya/ lampu, jangan memukul kumbang yang terdapat pada badan, cuma hembus/ tiup untuk menghindarinya. Jika tersentuh dengan kumbang ini, basuh segera kawasan yang bersentuhan dengan sabun dan air.** Sesiapa yang mengalami alahan kulit yang teruk mestilah mendapat rawatan perubatan.



Kawalan Oleh Majlis Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengawal serangan kumbang ini dengan semburan insektisid (ULV dan semburan terus) dengan menggunakan Pesguard FG 161, perangkap berpelekat (perangkap lalat), pencuci hampagas basah dan kering yang telah diisikan dengan insektisid, perangkap serangga elektrik yang menggunakan cahaya ultra violet, canister blow torch dan sebagainya. Jika populasi serangga ini berada diluar kawalan anda, sila hubungi MPSP: **Tel. Toll Free : 1-800-88 MPSP / laman web : <http://www.mpsp.gov.my/>**

Sumber : Dr. Lee Han Lim (IMR), Dr. Zairi b. Jaal (USM), En. Nik Mohd. Noor b. Nik Salleh (MARDI), Sumitomo Chemical Enviro-Agro Asia Pacific Sdn. Bhd., Agricultural Chemicals (M) Sdn. Bhd., J. Med. Entomol. Vol.24-1987 & Prof. Howard Frank, Universiti Florida

Disediakan atas permintaan Dato' Hj. Ismail b. Mamat oleh En. M.Raju, Ketua Inspektor Kesihatan Kanan, Skuad Khas (e-mail:raju@mps.gov.my)